

BAHASA MELAYU MODEN

Fungsi BM  
Moden

Unsur Asing  
dalam BM  
Moden

Unsur  
Pinjaman

Latar  
Belakang  
Peminjaman  
Unsur  
bahasa asing

Bahasa  
Sumber


konsonan

Imbuhan

Kosa Kata

Kata majmuk

# FUNGSI BAHASA MELAYU MODEN



# BAHASA KOMUNIKASI

Bahasa yang digunakan untuk perhubungan, sama ada bagi situasi tidak rasmi atau rasmi, dan secara lisan atau bertulis

Maklumat dapat  
disampaikan dengan  
mudah

Bahasa Melayu  
menjadi  
perantara yang  
sesuai  
mengatasi  
masalah  
pelbagai kaum  
dan dialek.

Menjadi medium  
perhubungan  
antara masyarakat

# BAHASA PERPADUAN

Satu bahasa yang  
difahami bersama dapat  
membentuk sikap saling  
mempercayai antara  
kaum

BM menjadi penyatu kaum di Malaysia melalui penggunaan bahasa rasmi tunggal

Penggunaan BM di sekolah dan sukatan pelajaran memupuk perpaduan antara kaum sejak kanak-kanak,

Bahasa kebangsaan menjadi lambang jati diri masyarakat Malaysia



Bahasa  
Ilmu

Bahasa yang berperanan  
menyampaikan ilmu  
pengetahuan, yang bersifat  
ilmiah dan akademik



Pengilmuan BM dilaksanakan melalui pendidikan, iaitu BM dijadikan bahasa pengantar di sekolah dan pengajian awam.

Untuk menjadikan BM sebagai bahasa ilmu, Banyak istilah dipinjam, dicipta dan diterjemahkan

Malaysia menawarkan diri menjadi pusat tumpuan kajian tentang bahasa, sastera dan budaya Melayu pada Kongres Bahasa Melayu Sedunia KL (21-25 Ogos 1995)

Kewujudan Kerusi Pengajian Melayu dan kursus bahasa Melayu di universiti terkemuka menjadikan BM sebagai bahasa intelek di peringkat antarabangsa.

# UNSUR ASING DALAM BAHASA MELAYU

Latar belakang  
Peminjaman  
Unsur Bahasa  
Asing

BM meminjam unsur daripada bahasa asing yang maju dan bertamadun tinggi.



Peminjaman berlaku hasil daripada pertembungan melalui peperangan, penjajahan politik, perdagangan, pendidikan, penyebaran agama.

# BAHASA SUMBER

India

Asia Barat

Eropah

China

Nusantara



## Bahasa dari India

Bahasa tertua yang dipinjam BM ialah **bahasa Sanskrit** – bahasa elit India

Sanskrit datang menerusi agama dan budaya Hindu yang terdapat dalam budaya Melayu

Peminjaman berlaku sejak abad ke-7 oleh BM Kuno untuk mengungkapkan pelbagai makna pada batu bersurat

Bahasa India lain ialah bahasa Tamil, bahasa Hindustan dan bahasa Telegu yang meresap semasa perdagangan berlaku

Bahasa  
dari Asia  
Barat

BM dipengaruhi kuat  
**Bahasa Arab** melalui  
perdagangan dan  
penyebaran agama Islam.

Kedatangan Islam telah  
menyerapkan  
perbendaharaan kata  
dalam BM dan wujud  
sistem tulisan Jawi

Bentuk binaan ayat Arab  
juga terserap dengan  
ketara dalam penulisan  
kitab dan kesusasteraan  
Melayu pada abad 16-18

Bahasa Parsi juga  
dipinjam oleh BM melalui  
kegiatan perdagangan.



Kehadiran penjajahan Barat menyebabkan bahasa Melayu menerima kosa kata daripada bahasa Portugis, Belanda dan Inggeris.

Kosa kata bahasa Inggeris lebih banyak mempengaruhi BM kerana kebudayaan yang mendalam melalui sistem pendidikan, tempoh penjajahan yang panjang dan laras bahasa baru yang terhasil daripada B1.



Bahasa dari  
China

Bahasa ini terserap dengan pergaulan dengan orang Cina khususnya melalui perniagaan semenjak pendudukan Inggeris di P.Pinang dan Penuhuan Negeri-Negeri Selat.

Kebanyakan perkataan diambil daripada dialek Hokkien.





Bahasa dari  
Nusantara

BM turut menerima pengaruh daripada bahasa Jawa, Sunda, Bugis, Sumatera dan lain-lain

Bahasa-bahasa ini mudah dipinjam pada zaman Kerajaan Melayu Melaka kerana pergaulan kejiwaan, persahabatan dan hubungan perdagangan serantau.

# Faktor-Faktor Peminjaman Unsur Bahasa Asing


Berlaku atas dasar untuk menyatakan sesuatu yang baru dan asing daripada budaya orang Melayu

Perkataan yang sedia ada tidak sesuai, tidak tepat atau tidak setara maksudnya

Dapat melicinkan usaha perancangan dan membina BM agar berstatus bahasa moden



Berlaku juga kerana sikap sesetengah orang yang berlagak dan ingin menunjukkan dirinya pandai dalam bahasa asing atau bahasa baru.



Pinjaman  
bunyi  
konsonan

sy, kh, gh,  
f, q, z, v

Bahasa Sumber	Konsonan	Contoh
Bahasa Sanskrit	sy	Syurga
Bahasa Arab	kh	khUSUS bakhil
	gh	ghaib loghat
	sy	syarikat musykil
	f	fajar muafakat
	q	quran furqan
	z	ziarah azab
Bahasa Inggris	sy	syif syampu
	f	filem aktif
	v	vokal novel
	z	muzium zirk


## Pinjaman Imbuhan

Dwi-, eka-, maha-,  
panca-, pasca-pra-,  
swa-tata-, tuna-,  
-man, -wan, -wati

bi-, -ah, -at, -i, -iah, -in, -  
wi, anti-, auto-, poli-,  
pro-, sub-, supra-, -al, -ik,  
-is, -isme.



Kosa  
kata



Arang, peti,  
kepala, suami,  
gagak, murka,  
balai, apam,  
ketumbar,  
gadis, wayang,  
tafsir, asyik,  
dakwa, hukum,  
mansuh, zalim,  
andam, gincu,  
congkak,  
cincau, laici



Bahasa Sanskrit	Tamil	Nusantara	Arab	Cina
Arang, peti, kepala, svami, gagak, murka, balai, syurga,	apam, ketumbar	gadis, wayang Batik Ratu obor	tafsir, asyik, dakwa, hukum, mansuh, zalim, akhbar, arak, arnab, halal, masjid  Andam- Parsi	gincu, congkak, cincay, laici, kungfu, pau,

Perkataan	Kosa Kata Bahasa (?)
Meja, bangku, sepatu, tinta, pita, tuala, roda, sekolah,	Portugis
Dam, dansa, permisi, engsel, ongkos, pelekat, senapang, rokok,	Belanda
Aiskrim, bank, diploma, drebar, muzik, kolej, tiub, stesen, tayar, trompet, wisel, telefon, lokap, pencen, geran	Inggeris/British



Pinjaman  
kata  
majmuk

Bawah tanah (underground)

Beban kerja (work load)

Buku hijau (green book)

Duit poket (pocket money)

KATA-KATA ASLI DALAM  
BAHASA MELAYU

air, akar, aku, alu (pasangan kepada lesung), alur, anak, api, balai,  
barat, bara, baru, bau, bayang, benua, beras, beri, besi, betina, bibir, bintang,  
buah, bukit, bulan, bulu, bunuh,  
cucuk,  
dahi, danau,  
dapur, darah, darat, daun, dekat, dendam, dengar, duri,  
ekor,  
gatal, habuk, hampar, hanyut, hantar, hantu, hari, hati, hidung, hirup, hujan,  
hulu, huma, ikan, induk, ini, itu, jahit, jarum, kail, kanan,  
kayu, kerbau, ketawa, kiri, kita, kuku, kulit, kutu, labah-labah, labuh, langit,  
laut, layar, leher, lelap, lesung, lintah, liput, luar, ludah, makan, malam, mati,  
mentah, mimpi, minum, nanah, nasi, nyiur,  
orang, padi, pahit, paku, palu, panah, peha, penuh, puluh, putih, ratus, rumah,  
tahi, tampi, tanah, tanak, tanam, tangis, telinga, telur, timur, tiup, tua, tuli, ubi,  
udang, urat, yu (ikan).

BAHASA MELAYU

MODEN

WODEM

# PERANCANGAN BAHASA MELAYU

- Perancangan bahasa Melayu Moden

- Perancangan Taraf

- Perancangan Korpus

- \* Pengkodan

- \* Pemupukan

## PERANCANGAN BAHASA MELAYU

Nik Safiah Karim et al (2008) menyatakan perancangan bahasa ialah usaha yang dijalankan untuk memupuk bahasa ke arah taraf yang lebih maju oleh badan yang ditubuhkan khas.





Kenapa Periv ada badan yang menjalankan perancangan bahasa?

# Empat Peringkat Perancangan bahasa:

Perkara	Profil
Perancangan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat keputusan dasar</li><li>• Menentukan (memilih) bahasa untuk dirancang</li><li>• Mengumpul data</li><li>• Menyusun Strategi</li></ul>
Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengkodan</li><li>• Pemupukan</li></ul>
Pemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyebarkan korpus bahasa yang dirancang kepada masyarakat (pengguna bahasa)</li></ul>
Penilaian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Meneliti pendapat masyarakat</li><li>• Menilai hasil atau kesan pendapat masyarakat</li><li>• Membaiki kelemahan</li><li>• Melakukan perancangan selanjutnya</li></ul>

# Perancangan bahasa Melayu Moden

- Perancangan Taraf

Proses meluaskan dan meningkatkan status penggunaan dan peranan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat

- Dilakukan melalui penggubalan perlembagaan dan akta.
- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi:  
Tertakluk kepada peruntukan Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam urusan kerajaan:  
Tertakluk kepada peruntukan Akta bahasa Kebangsaan 1963/67.
- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan negara:  
Dilaksanakan melalui Laporan Razak (1965), Laporan Rahman Talib (1960), Ordinan Pelajaran 1961, dan Akta Pendidikan 1961.

## Perancangan Korpus

Proses menyeragamkan bahasa Melayu dan membawa bahasa Melayu ke tahap lebih tinggi serta setara dengan bahasa moden lain di dunia.

## Perancangan Korpus

- Dilakukan oleh Dewan bahasa dan Pustaka
- Melibatkan dua perancangan:

✓ Pengkodan

✓ Pemupukan

# DEWAN bahasa DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR



# Pengekodaan

Penyeragaman, proses menghasilkan satu variasi bahasa standard yang sempurna dan seragam.



- Pengkodean perlu dibuat untuk membezakan sebutan, susunan frasa dan ayat serta perkataan setiap dielak daerah yang berlainan.
- Dengan wujudnya satu bahasa, akan wujud satu keupayaan memperkatakan semua gejala dalam masyarakat.
- Penyeragaman dapat memastikan penggunaan unsur bahasa yang mantap, dan mewujudkan satu pemahaman yang standard dalam kalangan pengguna Bahasa Melayu moden.
- **Penyeragaman** dilakukan dari aspek ejaan, tatabahasa, sebutan dan perkamusan.

# Penyeragaman Ejaan

Pengekodaan Ejaan

Pembakuan  
tatabahasa

Penyusunan kamus

Pembakuan Sebutan

## Pengekodan Ejaan

- Tulisan Rumi berasal tulisan Latin atau Romawi yang dibawa ke Kepulauan Melayu oleh orang Barat
- Bahasa Melayu mencapai kejayaan yang baik dalam usaha penyeragaman sistem ejaan Rumi setelah wujudnya sistem ejaan rumi baru.
- Ejaan rumi ini menggunakan pedoman rasmi, oleh DBP (Pedoman Ejaan Rumi bahasa Melayu dan Daftar Ejaan Rumi bahasa Malaysia)

## Pembakuan Tatabahasa

- Buku diterbitkan (nahu Melayu Mutakhir), (Tatabahasa Dewan Jilid 1 dan 2)
- Serta Edisi Tatabahasa Dewan Jilid 3 yang digunakan di sekolah dan di semua pendidikan awam.

## Penyusunan kamus

-Penyusunan kamus ialah penyusunan mengikut abjad dan pemberian makna supaya perkataan diketahui dan difahami dengan jelas

-Contoh kamus (Kamus Ekabahasa, kamus Dwibahasa, kamus umum pelbagai istilah, kamus istilah, kamus khusus, Gloasari, Tesaurus

?

Apakah perbedaan antara kamus keluaran DBP dan kamus antarabangsa?

PERKARA	KAMUS ANTARABANGASA	KAMUS DBP
JENIS KATA	√	X
SIMBOL FONETIK	√	X
LAMBANG/GAMBAR RAJAH	X	X
MAKSUD	√	√
CONTOH AYAT	√	√
ASAL-USUL PERKATAAN	√	√

## Pembakuan sebutan

- kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu menghasilkan perbezaan gaya sebutan
- maka sebutan baku dan betui disebut berdasarkan ejaan bahasa Melayu
- sebutan baku digunakan dalam acara rasmi, mesyuarat, bacaan berita, dan sebagainya
- namun dimansuhkan pada 2000 kerana sebutan baku tidak menggambarkan sebutan sebenar rakyat Malaysia



# PEMUPUKAN

Merupakan usaha-usaha untuk mengembangkan bahasa supaya tercapai keadaan saling terjemah dengan bahasa moden lain (Nik Safiah Karim)

1

Melibatkan kegiatan mencipta istilah baru untuk mengungkapkan pelbagai laras dan disiplin baru-bidang teknikal

2

Buku Pedoman Pembentukan Istilah (1957) digunakan sebagai landasan

3

Istilah yang dibentuk perlu diperakukan oleh **Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu**

4

Bagi penyeragaman serantau, istilah yang dibentuk dibincangkan dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (MABBIM)

5

Antara pedoman yang diterbitkan – Pedoman Umum Pembentukan istilah bahasa Malaysia, Pedoman Umum Ejaan bahasa Malaysia dan Pedoman Penyusunan Kamus Istilah.

6

Kebanyakan istilah teknikal diterjemah dan disesuaikan daripada bahasa asing.

# TATACARA PEMBENTUKAN ISTILAH (7 LANGKAH)

1

Mencari kata dalam bahasa Melayu yang lazim digunakan.

2

Mencari kata dalam bahasa Melayu yang sudah tidak lazim digunakan.

3

Mencari kata dalam bahasa serumpun yang lazim digunakan

4

Mencari kata dalam bahasa serumpun yang sudah tidak lazim digunakan

5

Mencari kata dalam bahasa Inggris

6

Mencari kata dalam bahasa asing yang bersifat antarabangsa

7

Memilih istilah yang terbaik daripada pilihan 1 hingga 6.

Istilah yang dipilih tidak menyimpang daripada konsep istilah, tidak berkohotasi buruk, indah didengari, tepat dan singkat

Kriteria ini dengan jelas memberikan keutamaan kepada bahasa Melayu dan bahasa serumpun dalam usaha membentuk istilah dalam BM

Pembentukan istilah berjalan lancar kerana bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi

## Sumbangan Pertubuhan

### (a) *Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa* (1888-1941)

Pakatan ditubuhkan di Johor Bahru yang diasaskan oleh Abdul Rahman Andak. Badan ini merupakan badan bahasa dan sastera yang terawal di negara ini. Pada 7 April 1934, pakatan ini dikenali dengan nama Pakatan Bahasa Melayu dan Persuratan Buku-Buku Diraja, dengan tunjangan tahunan daripada Sultan Ibrahim.

Tujuan penubuhannya untuk mengkaji dan menerbitkan buku-buku bahasa, sejarah dan kebudayaan, serta menggalakkan orang Melayu menerbitkan karya untuk memperkaya perbendaharaan sastera Melayu.

Pakatan ini berjaya menerbitkan majalah *Peredar*, serta menerbitkan buku-buku, antaranya *Jalan Basa Melayu* (1937), *Buku Katan* (1936-1937), *Perihal Tanah Jawa* (1939), dan *Peribahasa* (1930). Selain itu, Pakatan turut mencipta istilah terjemahan, antaranya “setiausaha” (secretary), “pejabat” (office) dan “kerja raya” (public works) yang digunakan hingga sekarang.

### (b) *Pejabat Karang-Mengarang* (1924)

Pejabat Karang-Mengarang ditubuhkan di Maktab Perguruan Sultan Idris (1922), hasil cadangan O.T. Dussek (Pengetua MPSI) dan Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), dengan pembiayaan oleh Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pejabat beroperasi sehingga 1957 sahaja apabila peranannya diambil alih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Badan ini lebih banyak menumpukan perhatian kepada penerbitan buku-buku sekolah Melayu dan kegiatan menterjemah buku, di samping penerbitan buku-buku umum. Sehingga 1941, Pejabat menerbitkan 85 judul buku teks sekolah. Sehingga 1957, Pejabat berjaya menerbitkan 64 judul buku terjemahan untuk perpustakaan sekolah dan bacaan umum, antaranya Cerita-cerita Sherlock Holmes, Sang Lomeri, Aladin dengan Lampu Ajaib, dan Cerita-cerita dari Istana Alhamra. Penterjemahan dilakukan oleh Abdul Kudus Muhammad, Abdul Rahman Yusof, Yazid Ahmad dan Ahmad Murad Nasaruddin.

Buku-buku bahasa yang diterbitkan ialah hasil tulisan Za’ba (lihat sumbangan Za’ba di atas).

### (c) *Persaudaraan Sahabat Pena (Paspam)* (15 April 1934)

Penubuhannya lebih kurang semasa dengan penubuhan semula Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa. Paspam berkembang di seluruh Tanah Melayu, Sarawak dan Brunei. Jumlah ahlinya mencecah 12,000 orang. Za’ba menjadi penasihat badan ini dari awal sehingga terhenti pada sebaik sahaja pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1942).

Tujuan penubuhannya untuk menggalakkan karang-mengarang dan baca-membaca dalam bahasa Melayu, meluaskan pengetahuan sejarah, adat resam dan bahasa Melayu, dan mahu menubuhkan perpustakaan untuk kegunaan ahli-ahlinya.

Paspam telah mewujudkan Lembaga Bahasa (1938) yang berpusat di Batu Pahat yang diketuai oleh Bahanan bin Yusuf. Lembaga ini merangka lapan tugas:

- menerbitkan buku-buku adat Melayu
- menerbitkan sejarah negeri-negeri Melayu
- menerbitkan kamus
- membeli karangan-karangan
- menerbitkan almanak
- menyatukan satu sistem ejaan yang tetap untuk ahli-ahli
- mencipta istilah bahasa Melayu berdasarkan perkataan Inggeris.

Walaupun begitu, Paspam hanya berhasil menerbitkan majalah bulanan, *Pemberita Pejabat Paspam* (1938), dan dua buah almanak, *Taman Paspam* (1940 dan 1941). Paspam bukan sahaja bergerak untuk kepentingan bahasa dan kebudayaan, tetapi kemudiannya turut terlibat dengan tujuan politik. Sahabat Pena (1949) tajaan Jaafar bin Haji Muhammad (Jimmy Asmara) kemudiannya menggantikan Paspam.

#### (d) *Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50)*

ASAS 50 ditubuhkan pada 6 Ogos 1950 di Singapura dan didaftarkan pada tahun 1951. Antara pengasasnya ialah Muhammad Arif Ahmad (Mas), Kamaludin Muhammad (Keris Mas), Hamzah Hussein, Jimmy Asmara dan Rosmera.

Tujuan penubuhannya untuk memperjuangkan dan mempertinggi bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan Melayu. Ahli-ahli mempelajari dan menulis karangan-karangan sastera, pengetahuan dan peradaban, mengadakan syarahan dan perdebatan tentang sastera dan bahasa. Karangan ahli-ahli diberikan bayaran yang sepatutnya dan dilindungi dari segi undang-undang. Pertubuhan ini berjuang dalam bidang kesusasteraan dengan konsep “Seni untuk Masyarakat”.

ASAS 50 menggubah dan membaharui perkataan-perkataan untuk memperkaya bahasa, dan turut menjayakan **Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu (KBPM) I** (Singapura: 12.4.1952), **KBPM II** (Seremban: 28.12.1953 hingga 2.1.1954) dan **KBPM III** (Universiti Malaya, Singapura: 16 hingga 21.12.1958). Pertubuhan ini menyokong penggunaan tulisan Rumi sebagai tulisan bahasa Melayu moden untuk memperkembangkan kesusasteraan Melayu dalam KBPM II, membentangkan kertas kerja tentang ejaan dalam KBPM III, dan mencadangkan sebuah badan bahasa seperti Balai Pustaka di Indonesia, yang kemudiannya mewujudkan **Dewan Bahasa dan Pustaka** di Johor Bahru (1956).

#### (e) *Dewan Bahasa dan Pustaka*

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru sebagai sebuah jabatan kerajaan. Taraf itu ditukarkan kepada badan berkanun apabila Parlimen meluluskan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (1959). Dengan itu, DBP mendapat autonomi untuk menggubal dasar-dasar yang khusus, serta menyusun pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera menurut kebijaksanaan sendiri. Badan ini terletak di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Matlamat DBP mengikut Akta DBP 1959 adalah untuk:

- memperkembangkan dan memperkaya bahasa kebangsaan
- memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan
- mencetak dan menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan bentuk-bentuk kesusasteraan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain



- menstandarisasi ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah-istilah teknik yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.


Perancangan dan pelaksanaan fungsi bahasa di DBP terletak di bawah Jabatan Bahasa. DBP menjalankan penyelidikan ilmiah dari segi linguistik dan sosiolinguistik yang dijadikan input dalam pembakuan dan pemantapan korpus bahasa, iaitu dari aspek sebutan, ejaan, istilah, tatabahasa, laras bahasa dan gaya bahasa. Bagi aspek tatabahasa, misalnya, DBP menetapkan *Tatabahasa Dewan* sebagai buku pegangan.

Bahagian Peristilhan bertanggungjawab membina dan mengembangkan istilah untuk memperkaya dan memperlengkap bahasa Melayu. Kerja-kerja pembinaan, penyelarasan dan pengemaskinian istilah dilaksanakan oleh pelbagai jawatankuasa istilah. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dinasihati Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (mulai 1975). Mereka menggunakan Pedoman Pembentukan Istilah (1975) hasil kerjasama dengan Indonesia sebagai panduan membina istilah. Bank Istilah juga telah diwujudkan. Istilah-istilah yang dibina didokumentasikan ke dalam kamus istilah dan disebarkan dari semasa ke semasa. Pada tahun 1991, telah dicipta hampir 400,000 patah istilah yang mencakupi lebih 300 bidang ilmu.


DBP juga bertanggungjawab menyusun dan menerbitkan pelbagai jenis kamus. Kamus-kamus yang diterbitkan terdiri daripada kamus ekabahasa seperti *Kamus Dewan*; kamus dwibahasa seperti *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*; kamus umum pelbagai bahasa seperti *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris-Bahasa Cina*; kamus istilah dalam pelbagai bidang sains asas, sains kemasyarakatan, dan lain-lain lagi, contohnya *Kamus Istilah Sains Am* (1988); kamus khusus seperti kamus tentang sinonim, dialek, etimologi, ungkapan, peribahasa, dan lain-lain lagi.; glosari seperti *Glosari Istilah Sains Nuklear* (1993), dan tesaurus yang meliputi tesaurus umum, tesaurus konsep, dan tesaurus bidang khusus.

Sebagai badan pelaksana bahasa, DBP bertanggungjawab melaksanakan usaha meningkatkan penguasaan, penggunaan dan pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pendidikan, dan bahasa budaya tinggi kepada semua sektor pengguna bahasa Melayu. Tugas dijalankan dengan mengadakan pelbagai kegiatan penggalakan, pengawasan, khidmat nasihat serta penyebaran maklumat bahasa baku melalui pelbagai media. Antaranya, telah dilaksanakan “Gerakan Cintailah Bahasa Kita” untuk sektor pendidikan, awam, swasta dan masyarakat umum di peringkat pusat dan negeri.

Kesimpulannya, DBP sebuah badan yang dipertanggungjawabkan sebagai pengemudi dalam proses perancangan bahasa Melayu. Proses yang dijalankan ialah pengekodan, pemupukan, dan penilaian.



# FONOLOGI



# FONOLOGI

Satu bidang kajian tentang bunyi yang berfungsi dalam pertuturan bagi sesuatu bahasa.

Bidang fonologi terbahagi kepada: **Fonetik** dan **Fonemik**.

Bidang yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan manusia dan memberi lambang kepada bunyi-bunyi tersebut




Fonetik

Kajian yang mengkaji sistem yang digunakan dalam sesuatu bahasa.

# Fonemik

Kajian fonemik dapat mengenal pasti fonem, dalam sesuatu Bahasa yang dapat membawa kepada penghasilan sistem tulisan atau ejaan Bahasa berkenaan.


# KONSEP-KONSEP BERKAITAN FONETIK



## KONSEP BUNYI

Bunyi yang berpunca daripada gelombang udara yang keluar daripada saluran suara manusia, yang dipanggil bunyi bahasa.






Bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat artikulasi (alat pertuturan manusia apabila udara dari paru-paru melalui pita suara dan rongga tekak, kemudian keluar menerusi rongga mulut atau rongga hidung)



Bunyi tersebut ialah bunyi yang mempunyai makna, iaitu bunyi pertuturan, bukan bunyi batuk, bersin atau berdehem



Bunyi bahasa terdiri daripada 2 jenis:

Bunyi bersuara  
(melibatkan getaran pada pita suara)

Bunyi tak bersuara  
(pita suara tidak bergetar)

## Konsep Fonem

Unit terkecil dalam sesuatu  
bahasa tetapi dapat  
membezakan makna perkataan

1

Fonem merupakan lambang bunyi bahasa yang digunakan dalam penulisan. Contoh: *v* (*vu*) melambangkan [u] dalam tulisan.

2

Unit terkecil yang tidak dapat dipisahkan lagi kepada bentuk yang lebih kecil. Contoh satu. Empat fonemnya

Ⓢ ⓐ Ⓣ Ⓤ tidak dapat dipecahkan lagi.



3 Fonem dapat membezakan makna kerana sekiranya mana-mana fonem ditukarkan kepada fonem lain perkataan akan berubah maknanya.

## KONSEP AIOFON

Perbedaan bunyi bagi fonem yang sama ketika berada pada kedudukan atau lingkungan tertentu dalam perkataan.

## kotak


- *k* pada awal perkataan dilafazkan dengan sempurna/dilepaskan sempurna, tetapi *k* pada akhir perkataan dilepas dengan tidak sempurna atau tersekat.

## mutu


- *u* yang pertama dipengaruhi bunyi sengau (kerana mengikuti *m*), tetapi *u* yang kedua tidak ada bunyi sengau.



# KONSEP Huruf



Abjad yang menjadi simbol dalam sistem tulisan..



Tulisan Rumi dalam BM  
mengandung 26 huruf, yaitu  
5 huruf vokal dan 21  
konsonan (a-z)



## BAB 5: SIMBOL FONETIK DALAM BAHASA MELAYU

### Simbol vokal

Huruf	Simbol bunyi
a	[a]
e (pepet)	[e]
e taling	[ə]
i	[i]
o	[i]
u	[u]

### Simbol konsonan

b	[b]
c	[č]
d	[d]
g	[g]
h	[h]
j	[j]
k	[ʔ]
l	[l]
m	[m]
n	[n]
p	[p]
q	[q]
r	[r]
s	[s]
t	[t]
v	[v]
w	[w]
x	[z]
y	[Y]
z	[z]

### Simbol diftong

ai	[ai]
au	[au]
oi	[oi]


### Konsonan rangkap/ gandingan

Konsonan Rangkap	Simbol bunyi
gh	[ɣ]
ny	[ɲ]
ng	[ŋ]
sy	[ʃ]
th	[θ]
dz	[ð]
kh	[x]


- Kesemua huruf melambangkan satu bunyi (fonem) kecuali e yang terdiri daripada

- *e pepet*: lamak, lamau, ənau)

- *e Taling*: elok, tengok, enak



## Konsep Suku kata



Bahagian yang terdiri daripada gabungan fonem yang melibatkan bunyi vokal dan dapat dibunyikan.

Suku kata boleh terbentuk daripada satu vokal, gabungan vokal dengan satu atau dua konsonan

KEADAAN		CONTOH
Satu Vokal	V	<b>a-lat i-bu</b>
	ny	<b>e-sok du-a</b>
Gabungan Vokal dengan Konsonan	VK	<b>an-jung da-un</b>
	KV	<b>ba-las bun-tu</b>
	KVK	<b>pak-sa ma-nis</b>

# Alat Artikulasi

Alat sebutan atau alat  
pertuturan yaitu alat  
yang berperanan untuk  
menghasilkan bunyi  
bahasa melalui  
pertuturan manusia.

Alat  
artikulasi

Ruanghan mulut - Gigi, lidah,  
paru-paru

Dua  
Jenis

Terdiri daripada dua jenis:  
pengeluar dan daerah  
pengeluaran



# DUA JENIS ALAT ARTIKULASI



Alat-alat sebutan  
yang boleh  
bergerak dengan  
bebas di dalam  
rongga mulut.

Pengeeluar/  
Artikulator


Alat ini boleh bergerak  
dan menyentuh alat  
artikulasi lain semasa  
pertuturan berlaku




# PENGELUAR




**Bibir Bawah**  
(Bergerak ke bibir atas)




**Lidah**  
(Bahagian hujung dan depan bergerak ke gigi dan gusi, bahagian tengah bergerak ke lelangit keras, bahagian belakang bergerak ke lelangit lembut)






**Lelangit Lembut**  
(Bergerak ke atas dan ke bawah)



**Anak Tekak** (Bergerak ke dinding tekak dan ke bawah)



**Pita Suara**  
(Terbuka atau tertutup semasa udara melaluinya)



## DAERAH PENGELUARAN

Daerah artikulasi atau titik artikulasi ialah alat pertuturan yang statik dan tidak bergerak.

Kebanyakan daerah artikulasi terletak di sebelah atas rongga mulut, yang disentuh artikulator semasa pertuturan terjadi


# DAERAH PENGELUARAN




**Gigi Atas**  
(Tempat bersentuhan gigi dan bibir bawah)




**Gusi Atas**  
(Tempat bersentuhan hujung dengan depan lidah)



**Lelangit keras**  
(Tempat bersentuhan dengan tengah lidah)




**Dinding Tekak**  
(Tempat bersentuhan dengan anak tekak)



**Pita Suara**  
(Terbuka atau tertutup semasa udara melaluinya)


Laluan udara bergerak semasa penghasilan bunyi terdiri daripada:






## KEDUDUKAN ALAT-ALAT PERTUTURAN

### 3.4.1 Alat Pertuturan Dan Fungsinya



1.	Bibir atas	11.	Tengah lidah
2.	Bibir bawah	12.	Belakang lidah
3.	Gigi atas	13.	Akar lidah
4.	Gigi bawah	14.	Epiglotis
5.	Gusi	15.	Pita suara
6.	Lelangit keras	16.	Rongga tekak
7.	Lelangit lembut	17.	Rongga Hidung
8.	Anak tekak	18.	Rongga mulut
9.	Hujung lidah	19.	Rahang
10.	Hadapan lidah	20.	Tenggorok

## ALAT ARTIKULASI



Hujung lidah  
 Hadapan lidah  
 Tengah lidah  
 Belakang lidah  
 Akar lidah  
 Rahang  
 Anak tekak

Rongga tekak  
 Rongga hidung  
 Rongga mulut  
 Tenggorok  
 Epiglottis  
 Pita suara  
 Paru-paru




# SOALAN POST-TEST

BIL	SOALAN	MARKAH				
1.	Fonologi ialah?	2				
2	Konsep Fonem ialah?.....	1				
3.	Mana <b>satu</b> Alofon?  <table border="1" data-bbox="667 759 1796 886"><tr><td>A</td><td><i>kotak, mutu</i></td><td>B</td><td><i>p, a, l, u</i></td></tr></table>	A	<i>kotak, mutu</i>	B	<i>p, a, l, u</i>	1
A	<i>kotak, mutu</i>	B	<i>p, a, l, u</i>			
4.	Daerah Pengeluaran yang <b>betul</b> ? A.Gigi Atas & Lidah B.Lelangit Keras & Lidah C.Gusi Atas & Lelangit Lembut D.Lelangit Keras & Gusi Atas	1				


# SOALAN POST-TEST

BIL	SOALAN	MARKAH				
1.	Fonologi ialah? <b>Satu bidang kajian tentang bunyi yang berfungsi dalam pertuturan bagi sesuatu bahasa.</b>	2				
2	Konsep Fonem ialah? <b>Unit terkecil dalam sesuatu bahasa tetapi dapat membezakan makna perkataan</b>	1				
3.	Mana <b>satu</b> Alofon? <table border="1" data-bbox="649 735 1796 892"><tr><td>A</td><td><i>kotak, mutu</i></td><td>B</td><td><i>p, a, l, u</i></td></tr></table>	A	<i>kotak, mutu</i>	B	<i>p, a, l, u</i>	1
A	<i>kotak, mutu</i>	B	<i>p, a, l, u</i>			
4.	Daerah Pengeluaran yang <b>betul</b> ? A. Gigi Atas & Lidah B. Lelangit Keras & Lidah C. Gusi Atas & Lelangit Lembut <b>D. Lelangit Keras &amp; Gusi Atas</b>	1				



KEDUDUKAN ALAT-ALAT PERTUTURAN

Markah: 4 Markah



JAWAPAN:

KEDUDUKAN ALAT-  
ALAT PERTUTURAN

Markah: 4 Markah